

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACH-8451

INVC.....nms 16/12/90

**OBJEKTIF PERKAHWINAN:
SATU KAJIAN KHUSUS TERHADAP
KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN
MASYARAKAT ISLAM DI KUALA LUMPUR**

Oleh

NORLIZA BINTI GHAZALI

**Disertasi untuk memenuhi keperluan
Ijazah Sarjana Syariah
di Bahagian Pengajian Syariah
Akademi Pengajian Islam**

**UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

1998

Perpustakaan Universiti Malaya




A509084217

Dimikrofiskan pada 26.04.2000
No. Mikrofis 14594
Jumlah Mikrofis 4

HAMSIH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA



" Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang "

DEDIKASI

Rabbi Nahi

*Ku panjatkan kesyukuran hanya untukMu
Moga hidup dan matiku
Di dalam keredaanMu*

Mek dan Abah

*Ku terharu terkenangkan
jasa dan pengorbananmu
Doaku agar maghfirahNya
Sentiasa mengiringi ayahbonda*

Zauj tercinta

*Terima kasih di atas segala
pengorbanan dan cinta kasihmu
Semoga barakahNya sentiasa
memayungi hidup kita*

Putera dan puteri tersayang

*Faiz, Fathi dan Wardah Afifah
juga Syahidah di Jannatul Naim
Kehadiran kalian menyedarkan aku
erti sebuah pengorbanan
seorang ibu*

Para masyaikh

*Terima kasih di atas segala ilmu
Tanpa kalian siapakah aku*

Adik, abang dan kakak

*Ikutilah jalan kebenaran
Agar tidak tersesat di perjalananan*

Kepada semua

*Sujudlah mohon hidayahNya
Agar tidak terpedaya
dengan kerakusan dunia*

PENGHARGAAN

Pertamanya penulis memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas segala nikmat dan limpah kurniaNya, `inayah serta hidayahNya juga rahmat dan berkatNya memungkinkan penulis menyiapkan disertasi ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih penulis tujukan buat Prof. Madya Ustaz Md. Saleh Haji Md. @ Haji Ahmad selaku penyelia kepada disertasi ini di atas segala bimbingan, kerjasama, sokongan dan saranan yang diberikan, cukup berharga di dalam menyiapkan penulisan ini. Ucapan yang sama juga ditujukan khas kepada Prof. Datuk Dr. Mahmud Zuhdi Abdul Majid dan Ustaz Idris Awang di atas tunjuk ajar dan panduan yang diberikan

Terima kasih yang tidak terhingga penulis tujukan buat Ustaz Shukeri Mohamad di atas segala nasihat, panduan dan pengorbanan yang tiada nilainya untuk penulis dalam menjayakan disertasi ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terimakasih penulis rakamkan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, LPPKN, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan DBKL di atas kerjasama mereka menyediakan data-data yang diperlukan penulis.

Kepada Puan Khalifah, Syahnun, Nik Rosila dan Melati di Fakulti Pendidikan, penulis ucapkan jutaan terimakasih kerana membantu dan memberi

tunjuk ajar khususnya dalam menganalisa dan mengulas data-data yang diperoleh.

Penulis turut merakamkan penghargaan dan ucapan terimakasih kepada responden yang telah memberi kerjasama dan tindakbalas yang baik terhadap soalanselidik yang diedarkan. Dan akhirnya kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan disertasi ini, penulis mengucapkan jutaan terimakasih. Allah jua yang membalas jasa baik kalian.

Norliza Binti Ghazali
Kampung Rusa
Jelawat
16070 Kota Bharu.
Kelantan

30hb. Oktober 1997
28 Jamadil Akhir 1418H

ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauhmana kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam terhadap objektif perkahwinan Islam. Hal ini adalah penting kerana perkahwinan merupakan asas terbinanya sebuah keluarga bagi membentuk kelompok masyarakat. Keluarga merupakan sturktur asas bagi keseluruhan sistem sosial dan ketamadunan di dalam Islam. Ia merupakan satu institusi yang menjamin kestabilan dan kecemerlangan masyarakat keseluruhannya. Fungsi utama keluarga dalam Islam ialah untuk menjamin wujudnya suasana di mana nilai-nilai Islam dapat tumbuh dan berkembang di dalam jiwa, diri dan peribadi ahli keluarga bagi membentuk dan mengekalkan jenerasi umat yang merealisasikan ajaran Islam sepenuhnya dan menjalankan amanah selaku khalifah Allah di muka bumi ini. Justeru itu perkahwinan merupakan suatu yang paling suci di dalam kehidupan manusia. Ia perlu dipelihara dan diperkukuhkan semata-mata untuk menjamin kesinambungan jenerasi manusia yang kukuh dan mantap dari segi rohani dan jasmaninya. Oleh itu matlamat perkahwinan yang jelas dan tepat wajib difahami dan dihayati oleh muslimin dan muslimah agar cita-cita yang suci murni itu dapat dicapai. Menyedari hakikat inilah penulis berkecenderungan memilih tajuk ini bagi menghuraikan matlamat sistem perkahwinan Islam secara terperinci bertujuan memperjelaskan kepada masyarakat peri pentingnya pengetahuan terhadap perkara tersebut. Peningkatan kadar perceraian dan krisis rumahtangga serta bereluasanya masalah keruntuhan akhlak yang melibatkan individu muslim dalam berbagai peringkat menambahkan lagi minat penulis untuk mengkaji punca sebenar permasalahan tersebut. Berasaskan hipotesis bahawa permasalahan tersebut berpunca daripada ketidakfahaman masyarakat terhadap objektif perkahwinan Islam dan krisis penghayatannya, penulis telah melakukan kajian dengan menggunakan metod soalselidik bertulis terhadap masyarakat Islam di sekitar Kuala Lumpur. Kuala Lumpur yang merupakan ibukota metropolitan yang menjadi tumpuan pelbagai kategori dan gelagat manusia di samping wujudnya berbagai permasalahan rumahtangga dan akhlak serta moral menambah keyakinan penulis untuk mendapat suatu hasil yang tepat untuk kajian ini. Hasil kajian menunjukkan kegagalan masyarakat menghayati matlamat perkahwinan adalah kerana sebahagian masyarakat masih menghadapi masalah kefahaman terhadap objektif sebenar perkahwinan Islam terutama objektif asalnya iaitu untuk melahirkan dan mengekalkan jenerasi yang beriman. Namun begitu, kajian ini juga mendapati kefahaman semata-mata tidak menjamin seseorang individu tersebut menghayati matlamat perkahwinan kerana dalam setengah keadaan sikap individu dan faktor persekitaran dan semasa lebih mempengaruhi dan mengatasi kefahaman yang mereka miliki. Dengan itu kajian ini telah membenarkan hipotesis bahawa kepincangan yang berlaku dalam masyarakat yang melibatkan institusi kekeluargaan adalah berpunca daripada ketidakfahaman masyarakat terhadap objektif perkahwinan dan krisis penghayatannya. Oleh itu, untuk membangunkan semula institusi keluarga yang kian rosak usaha memahami dan menyedarkan masyarakat ke arah menghayati objektif perkahwinan serta

menghapuskan anasir-anasir yang boleh meracuni kehidupan umat Islam hendaklah menjadi agenda utama. Pembangunan keluarga dan manusia seluruhnya tidak boleh berlaku dengan sendirinya tanpa perancangan dan sokongan semua sektor masyarakat.

ABSTRACT

This research aims to evaluate the understanding as well as the practices of the Muslim society of the objectives of the marriage system in Islam. This is particularly important in the sense that the marriage is a foundation of a society. In Islam, family is the basic structure of the entire social system and civilization. It is an institution established to ensure social stability and excellence. The main function of a family in Islam is to ensure the establishment of a particular environment where Islamic values can be developed in the personality of its members. To form and maintain a generation of *ummah* is crucially important, to enable it to practise the Islamic teachings and to carry out the task of a *khalifah* in this world. Marriage therefore, is the purest human relationship. It has to be guided and strengthened in order to ensure the continuity of a strong and excellent generation, spiritually and physically. Thus, the objective of marriage should be clearly understood and practised by all Muslims in order to achieve such aims. In recognition of this significance, the writer chooses this subject to explain the aims of Islamic marriage in detail and to show its significance. The increasing rate of divorce and marriage problems in addition to the growing number of cases of moral decadence involving Muslims of various walks of life is another reasons this study is carried out, i.e to identify the main cause or causes of the problem. It is, hypothesised that the problem has its roots in the misconception of the Muslims of the marriage objectives and the crises arisen from it. For the reason Kuala Lumpur, a metropolitan city which attracts a large number of people of different levels and categories, with numerous marriage problems and social ills is chosen as the research area. To carry out the research, the writer uses written questionnaire which were distributed among the Muslims in the city. The results of the study show that the failure of the Muslim to live up to the genuineness of Islamic marriage is because they fail to fully comprehend the real objectives of the marriage especially as a means to develop and perpetuate faithful generations of *ummah*. However, the study also discovers that the deep understanding of marriage objectives alone does not solely contribute to a stable and successful marriage. Individual attitudes and environmental factors do have significant effect. The study proves that social problems which can be traced back to the family have the roots in the lack of understanding of the objectives of Islamic marriage. It is imperative that every effort be made for the purpose of clarifying and realizing these objectives. Priority should be remove negative elements that can contaminate the family life of the Muslim *ummah*. Family and social development does not take place on its own but with a careful planning and support.

SINOPSIS KAJIAN

Kajian ini ditulis dalam lima bab. Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang membincangkan perkara-perkara asas bagi sebuah kajian. Ia memuatkan perbincangan mengenai pengenalan tajuk, objektif dan kepentingan tajuk, skop kajian, metodologi kajian dan kajian-kajian lepas.

Bab kedua pula membincangkan latarbelakang tempat kajian iaitu Kuala Lumpur dari segi keluasan kawasan dan jumlah penduduk, kegiatan ekonomi penduduk setempat, penempatan penduduk serta kemajuan dan pembangunan. Dalam bab ini dibentangkan juga secara ringkas peranan Unit Perunding dan Pembangunan keluarga JAWI sebagai badan yang bertanggungjawab dengan permasalahan rumahtangga dan membuktikan kewujudan perkara tersebut di sini. Sebagai tambahan daripada itu, dikemukakan juga jumlah perkahwinan dan perceraian yang berlaku di Kuala Lumpur di antara tahun 1990-1995 dan juga permasalahan-permasalahan keluarga dan gejala sosial yang berlaku di Kuala Lumpur dengan mengemukakan sebab-sebab perceraian yang dilaporkan oleh pihak JAWI serta beberapa contoh kegiatan negatif yang melibatkan masyarakat Islam di Kuala Lumpur.

Bab ketiga merupakan landasan penting bagi kajian ini. Ia mengandungi perbincangan khusus mengenai objektif sistem perkahwinan Islam dengan memfokuskan kepada strategi pengukuhan dan kawalan berdasarkan hukum-

hukum, syarat-syarat dan peraturan yang berkaitan dengan perkahwinan serta memuatkan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis serta pandangan ulama' yang menyokong kenyataan tersebut. Ia dibahagikan kepada tujuh fasal berdasarkan objektif-objektif tertentu.

Bab keempat merupakan laporan terhadap data-data soalselidik yang telah dianalisis, menggunakan kaedah Statistical Package For The Social Sciences (SPSS). Pada keseluruhannya, soalselidik menyentuh tentang kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap objektif perkahwinan yang telah dikemukakan di dalam bab ketiga. Laporan ini merupakan maklumat penting bagi penulis untuk menilai sejauhmana kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam di kawasan tersebut.

Ulasan dan perbincangan terhadap laporan kajiselidik ini dikemukakan di dalam bab kelima. Ulasan adalah berasaskan kepada data-data yang diperolehi dan juga dapatan-dapatan daripada kajian-kajian lain yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini bagi menyokong dan menguatkan lagi keputusan-keputusan yang dibuat. Dalam bab ini juga dikemukakan beberapa kesimpulan yang merupakan intipati kajian. Beberapa saranan dikemukakan bagi melengkap dan meyempurnakan lagi kajian ini juga sebagai bahan untuk diambil tindakan bersama. Kajian ini diakhiri dengan sepatah dua kata sebagai penutup.

SYNOPSIS OF THE RESEARCH

This research consist of five chapters. The first acts as an introductory chapter which dicusses the introduction of the subject, its objective and significance, the scope and methodology of research and a brief review of previous research.

The second chapter deals with Kuala Lumpur as a research area in terms of its size, population, settlement, local economic activities, development and growth. In addition, it views briefly the role of the Familiy and Counseling Unit of JAWI as an institution which is responsible for marital problems and to prove the occurrence of such problems in that area. The divorce and marriage rate in Kuala Lumpur between 1990-1995, family problem, moral decadence, reason for divorce reported by JAWI and some examples of social negative attitudes in the Islamic society in that area are also included.

The third chapter is the most important basis for the research. It deals with the objectives of Islamic marriage system in depth. The subject is then narrowed down to the enhancement and controlling strategies based on the guidelines and rules pertaining to marriages. *Evidence from al-Quran, hadis* and Muslim scholars' perspectives which are in proposition for the said strategies are also included. The chapter is classified into seven subchapters according to their respective objectives.

The fourth chapter gives a report on data gathered from the questionnaire which has been analysed using the Statistical Package of Sosial Science (SPSS) method. On the whole, the questionnaire is about the understanding and comprehension of the social towards the subject pointed out in the third chapter. These data are of paramount importance for the writer to evelute them within the Islamic society in the area.

Comments and discussions on the report are given in Capter Five. Those comments are based on data gathered from the questionnaire as well as the previous research so as to prove and confirm the decision. In this chapter, some conclusions, which are the core of research, are drawn out. To round up, a number of suggestions are also included. This research ends with a brief conclusion.

TRANSLITERASI

(1) Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
أ	a	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w,o,u
ش	sy	ه	h
ص	ṣ	ء	‘
ي	i,y	ة	h

(2) Vokal

a- Pendek

_____ a

_____ I

_____ u

b- Panjang

_____ ā

_____ ī

_____ ū

c- Diftong

_____ ay

_____ aw

Catitan:

- Penulis menggunakan kaedah *alif lam syamsiyyah* dan *alim lam qamariyah* dalam menulis huruf arab yang mempunyai alif lam.
- Kaedah transliterasi ini tidak digunakan pada perkataan Arab yang biasa digunakan di dalam bahasa Melayu seperti hadis, syariah dan sebagainya.

SENARAI KEPENDEKAN

AKRAB	Akademi Keluarga bahagia
Bil	Bilangan
Cet.	Cetakan
Dr.	Doktor
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Hal.	Halaman
Ibid	Dari bahasa Latin ibidem: pengarang, tajuk, dan halaman sama dengan rujukan sebelumnya.
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JKM	Jabatan Kemajuan Masyarakat
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Perancang Keluarga Negara.
No.h	Nombor hadis
Op.cit	Dari bahasa Latin Opere citato: pengarang dan tajuk buku sama dengan rujukan yang sebelumnya, tetapi halamannya berbeza dan diselangi dengan rujukan lain.
Prof	Profesor
r.a	Radiyallaahu `anhu
S.A.W	Sallallaahu `alaihi wasallam
S.W.T	Subhanahu wa Ta'ala
t.t	Tanpa tarikh
terj.	terjemahan
UPPK	Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga.
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

SENARAI RINGKASAN PERKATAAN BAGI JADUAL

n	bilangan responden
th	tahun
IPT	Institut Pengajian Tinggi
b'iman	beriman
b'sesuaian	bersesuaian
dgn	dengan
m'p'luas	memperluas
m'ukuh	mengukuh
ke'luargaan	kekeluargaan
utk	untuk
r'ponden	responden
yg	yang
drp	daripada
dpt	dapat
a'bila	apabila
org	orang
sgt	sangat
dlm	dalam
t/jawab	tanggungjawab
t'hadap	terhadap
sbg	sebagai
m'getahui	mengetahui
r/tangga	rumahtangga
p'kara	perkara
b'kelakuan	Berkelakuan
m'bezakan	membezakan
p'didikan	pendidikan
&	dan
@	atau
b'laku	berlaku
c/tangan	campurtangan
t'hadap	terhadap
t/jwp	tiada jawapan
Sek Ren	Sekolah Rendah
Sek Men	Sekolah Menengah
χ^2	Khi ² (Chi-Square)
DF	Darjah kebebasan (Degree of Freedom)
P	Kebarangkalian (Probability)
Ho	Hipotesis null
Ha	Hipotesis alternatif

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Peta Kuala Lumpur
Lampiran 11	Contoh soalan selidik
Lampiran 111	Contoh masalah rumahtangga yang dilaporkan oleh UPPK
Lampiran 1V	Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan.

DAFTAR ISI

KANDUNGAN	MUKASURAT
DEDIKASI	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SINOPSIS KAJIAN	vi
SYNOPSIS OF RESEARCH	viii
TRANSLITERASI	x
SENARAI KEPENDEKAN	xii
SENARAI RINGKASAN PERKATAAN BAGI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
DAFTAR ISI	xv
BAB PERTAMA (PENDAHULUAN)	1
Pengenalan	1
Objektif dan Kepentingan Kajian	3
Skop Kajian	5
Metodologi Kajian	5
Kajian-kajian Lepas	8
Nota hujung	12

BAB KEDUA	
(LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN)	13
PENDAHULUAN	13
LATARBELAKANG KUALA LUMPUR	13
Keluasan kawasan dan jumlah penduduk	13
Kegiatan dan taraf ekonomi penduduk	15
Penempatan	16
Pembangunan dan kemajuan	16
UNIT PERUNDING DAN PEMBANGUNAN KELUARGA JAWI (UPPK)	18
PERMASALAHAN	20
Pertama: Data-data permasalahan sosial	20
Kedua: Data-data pernikahan, perceraian dan rujuk dari tahun 1990-1995	24
Nota hujung	29
BAB KETIGA	
(OBJEKTIF SISTEM PERKAHWINAN ISLAM)	30
PENDAHULUAN	30
FASAL 1	31
OBJEKTIF PERTAMA	
MENJAGA KETURUNAN DAN MENJAMIN BERKEMBANG DAN BERKEKALAN ZURIAT MANUSIA YANG BERIMAN MENGIKUT PERATURAN YANG BETUL.	
PENGERTIAN KETURUNAN	31
PROSES PEMBENTUKAN KETURUNAN MANUSIA	33
PANDANGAN ISLAM TERHADAP PENJAGAAN KETURUNAN	36

STRATEGI ISLAM DALAM MENGUKUHKAN OBJEKTIF INI	40
Nota hujung	51
FASAL 11	54
OBJEKTIF KEDUA	
MENYEMPURNAKAN TUNTUTAN NAFSU MENGIKUT JALAN YANG DIREDAI ALLAH DAN MEYELAMATKAN MANUSIA DARIPADA KEJAHATAN NAFSU SYAHWAT.	
KEDUDUKAN SYAHWAT MENGIKUT PANDANGAN ISLAM	55
STRATEGI ISLAM DALAM MENGUKUHKAN OBJEKTIF INI	58
Nota hujung	69
FASAL 111	70
OBJEKTIF KETIGA	
MEWUJUDKAN SATU IKATAN KEKELUARGAAN YANG KUKUH DAN BERKEKALAN BERASASKAN KASIH SAYANG DAN KERAHMATAN.	
KEDUDUKAN AKAD PERKAHWINAN DI DALAM ISLAM	71
STRATEGI ISLAM DALAM MENGUKUHKAN OBJEKTIF INI	77
Nota hujung	89
FASAL 1V	90
OBJEKTIF KEEMPAT	
MEWUJUDKAN SATU SISTEM PENGURUSAN DAN TANGGUNGJAWAB SERTA KAEDAH BERINTERAKSI DI DALAM KELUARGA DAN MASYARAKAT.	
PANDANGAN ISLAM TERHADAP TANGGUNGJAWAB INDIVIDU DI DALAM SEBUAH KELUARGA	92
ASAS PEMBAHAGIAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB DI ANTARA ANGGOTA KELUARGA	94
STRATEGI ISLAM DALAM MENGUKUHKAN OBJEKTIF INI	96

Nota hujung	125
FASAL V	129
OBJEKTIF KELIMA	
MEMPERLUASKAN IKATAN KEKELUARGAAN DAN MENGUKUHKAN HUBUNGAN DI ANTARA ANGGOTA MASYARAKAT.	
STRATEGI ISLAM DALAM MENGUKUHKAN OBJEKTIF INI	130
Nota hujung	139
FASAL VI	141
OBJEKTIF KEENAM	
MENGEMUKAKAN PROSES PEMBUBARAN PERKAHWINAN (DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA) APABILA IKATAN PERKAHWINAN TIDAK DAPAT DITERUSKAN.	
KEDUDUKAN TALAK DI SISI ISLAM	141
STRATEGI ISLAM DALAM MENGUKUHKAN OBJEKTIF INI	144
Nota hujung	155
FASAL VII	
STRATEGI KAWALAN DALAM MENGUKUHKAN OBJEKTIF SISTEM PERKAHWINAN ISLAM	158
MENGHARAMKAN ZINA	158
MENGHARAMKAN NIKAH MUT'AH	166
MENGHARAMKAN NIKAH MUHALLIL	167
Nota hujung	169
BAB KEEMPAT	
(ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA)	171
PENDAHULUAN	171
FASAL 1	
ANALISIS DATA	171

LATAR BELAKANG RESPONDEN	173
Nota hujung	194
FASAL 11	
HUBUNGAN FAKTOR TERTENTU DENGAN KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN MASYARAKAT TERHADAP OBJEKTIF PERKAHWINAN ISLAM	195
BAB KELIMA	
(ULASAN, KESIMPULAN DAN SARANAN)	227
PENDAHULUAN	227
KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN MASYARAKAT TERHADAP OBJEKTIF PERKAHWINAN ISLAM	227
FAKTOR-FAKTOR TERTENTU YANG MEMPENGARUHI KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN MASYARAKAT TERHADAP OBJEKTIF PERKAHWINAN ISLAM	247
KESIMPULAN	257
SARANAN DAN CADANGAN	263
Nota hujung	268
PENUTUP	269
BIBLIOGRAFI	272
LAMPIRAN I	
LAMPIRAN II	
LAMPIRAN III	
LAMPIRAN IV	